

Calon PhD perlu pengorbanan besar habiskan pengajian

Agenda kerajaan melahirkan 60,000 pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD) menjelang 2023 ialah cabaran perlu diambil semua pihak.

Setiap tahun, tawaran melanjutkan pelajaran di peringkat PhD secara ta-jaan biasiswa di bawah pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, MARA dan yayasan negeri pasti diiklankan.

Ramai penjawat awam mencuba nasib. Namun, tidak semua berjaya dalam cubaan pertama, malah ada mencuba hingga beberapa kali, tetapi kesungguhan mereka perlu dipuji.

Melanjutkan pendidikan pada peringkat PhD tidak cukup setakat kesungguhan, sebaliknya perlu disertai keken-talan, kekuatan dan keupayaan minda, disokong kejituan semangat serta jati diri tinggi.

Niat harus diperbetulkan, iaitu mem-

bawa pulang segulung ijazah, menyandang gelaran 'Dr' dan menyumbang semula kepada kerajaan dengan lebih berkesan.

Apakah kesiapsiagaan diri penjawat awam berada pada tahap tinggi untuk memenuhi harapan menamatkan pe-najaran tepat pada waktunya?

Menentukan hala tuju kajian ialah perkara paling kritikal calon PhD agar berada di landasan betul. Ia menuntut pembacaan dan penulisan berterusan melalui proses 'cuba dan salah' hingga terserlah kematangan ilmu.

Mencapai tahap kematangan ilmu bukan mudah. Pelbagai halangan dan rin-tangan mental harus ditempuhi, manakala permasalahan timbul perlu diselesaikan agar proses kesinambungan pemikiran dapat diteruskan untuk mengharungi fasa kajian dalam PhD dan akhirnya merungkaikan isu dikaji.

Kegagalan menamatkan pengajian de-nan jaya bakal berdepan tindakan pe-nuguatkuasaan terhadap perjanjian di-

tandatangani dengan kerajaan. Ketika itu, nasi sudah menjadi bubur. Men-sia-siakan peluang keemasan hanya me-rugikan diri sendiri apatah lagi sudah jatuh ditimpa tangga pula. Namun, ma-sih ramai ingin menyambung pengajian ke peringkat PhD sungguhpun menye-dari keperitan dan trauma bakal dilalui.

Oleh itu, sebagai persediaan agar ti-dak terganggu kesinambungan pemiki-ran dan kehilangan fokus, elak mencari dan mencipta masalah baharu dalam hidup. Persediaan untuk mensejajarkan gaya hidup semasa mengikut keperluan PhD harus juga diberikan perhatian. Pengorbanan masa bersama keluarga dan sanak saudara tidak dapat dielak-kan.

Sokongan insan terdekat diperlukan agar tidak menjadi batu penghalang un-tuk menamatkan pengajian tepat pada masanya. Hakikat membaca dan me-nulis tesis menjadi antara 'makanan' setiap hari perlu diterima terbuka.

Pergantungan usaha semata-mata un-tuk menempuh ujian PhD tidak men-cukupi. Sudah pasti jalinan hubungan lebih akrab dengan Yang Maha Kuasa diperlukan dalam membina jati diri tinggi untuk mendepani pelbagai caba-ran serta memohon cahaya dan jalan keluar hingga berjaya menggenggam segulung ijazah PhD.

Bukan mudah mendapat gelaran 'Dr' ini. Tenaga, masa, wang, fikiran dan perasaan perlu dikorbankan dalam tem-poh panjang. Ditambah risiko tindakan penguatkuasaan jika gagal menamatkan pengajian tepat pada waktunya. Oleh itu, keputusan menyambung pe-najaran harus difikirkan sesuai periba-hasa Melayu, sesal dulu pendapatan, se-sal kemudian tiada berguna.

Dr Mohd Yussuf Al Fahmey Abdul Rahim,
Kluster Pembangunan Kepakaran, Institut
Tadbiran Awam Negara (INTAN)